

# Dr. M akan berusaha perkukuh UMNO selepas perhimpunan

BH 16 JUL 1981

**DALAM** bulan-bulan yang berikut ini, Dr. Mahathir akan berusaha memperkukuhkan UMNO selepas perlawanan merebut jawatan-jawatan parti baru-baru ini, terutama sekali jawatan Timbalan Presiden; juga untuk bersedia menghadapi pilihanraya.

Beliau yakin bahawa UMNO akan bersatu padu semula seperti biasa selepas setiap perlawanan merebut jawatan, walau betapa hangat pun perlawanan itu.

Beliau tidak fikir perlawanan merebut jawatan Timbalan Presiden yang begitu sengit dan kadangkala jelek itu

"Mula-mula saya fikir bagus juga usul itu, tapi saya dapati usul itu tidak akan mendapat sokongan seratus peratus... setengah-setengah penyokong, dan setengah-setengah penentang. Tengku Razaleigh tidak mahu usul itu...jadi saya rasa, memandangkan segala itu, baiklah tak usah membuat Tengku Razaleigh serba salah..."

"Saya rasa jika Perhimpunan mahukan usul itu... mestilah sebulat suara...jangan membuat Tengku Razaleigh serba salah. Sebenarnya usul sebegitu bukan melemahkan, tapi menguatkan langkah yang saya pilih, kerana saya benar-benar merasa Tengku Razaleigh patut terus sebagai anggota Kabinet. Tapi kalau perkara itu dibahaskan (waktu Perhimpunan) tidaklah manis..."

dengan undi yang sebegitu banyak? Di dalam parti? Ya? Dr. Mahathir menerima dan menghormati kehendak UMNO. Tetapi Datuk Harun menyertai Kabinet adalah suatu persoalan yang lain sama sekali.

Pada pendapat Dr. Mahathir, sokongan UMNO terhadap Datuk Harun bukanlah sesuatu yang luarbiasa. Demikian jugalah sokongan mereka terhadap lain-lain pegawai yang telah dipilih itu, pada keseluruhannya tidaklah bercanggah dari tradisi dan amalan selama ini.

### Mendadak

"Keanekaragaman pegawai yang dipilih merupakan satu pola. Bila UMNO mengundi, selalunya yang diundi itu dari berbagai kumpulan, supaya semuanya diwakili di Majlis Tertinggi, tiap-tiap kali

setiap orang...bolelah masukkan seorang dua, tapi tidak seluruh kumpulan...tak mungkin dapat sokongan parti...tidak untuk seluruh kumpulan. Kita tak boleh kata kita mahu sesuatu kumpulan itu menang."

### Sokongan

Seperti "hidden hand" (tangan tersembunyi) yang dimaksudkan oleh penulis ekonomi dan politik barat, Adam Smith, UMNO, menerusi kebijaksanaan bersama memilih pemegang-pemegang jawatan yang dikehendakinya. Presidennya yang baru cukup puas hati dengan cara demikian. Semua kumpulan haruslah diwakili. Setiap orang patutlah puas hati pada keseluruhannya.

akan meninggalkan kesan buruk yang berpanjangan kepada parti. Tentulah kumpulan yang kalah akan keciwa, tetapi mereka tidak akan menaruh dendam sehingga merosakkan perjalanan parti.

Baik Datuk Musa mahupun Tengku Razaleigh, tidak pernah berganjak dari kesetiaan mereka terhadap UMNO dan perjuangan UMNO.

Jika beliau mahu menyembuhkan luka-luka dalam parti secepat mungkin, mengapakah Dr. Mahathir menolak percubaan pada hari terakhir Perhimpunan Agung untuk mengadakan usul meminta Tengku Razaleigh tetap menjadi anggota Kabinet walaupun telah tewas dalam perlawanan merebut jawatan Timbalan Presiden?

Adakah ini kerana beliau, sebagai Presiden baru dan bakal Perdana Menteri, tidak mahu dipaksa membuat sesuatu, tidak mahu haknya dicerobohi?

Dr. Mahathir membuat penerangan yang penting dalam hal ini:

## Ditawarkan

Oleh kerana itulah Datuk Hussein dan Dr. Mahathir menolak percubaan itu.

Adakah Tengku Razaleigh akan tetap menjadi anggota Kabinet? Bergantunglah kepada Tengku Razaleigh sendiri. Beliau telah ditawarkan jawatan, iaitu Menteri Kewangan, menurut Dr. Mahathir baru-baru ini.

Bagaimana pula dengan Datuk Harun, adakah beliau akan menyertai Kabinet jika mendapat pengampunan dan dibebaskan?

Kesan yang saya dapati dari Dr. Mahathir ialah bahawa Datuk Harun tidak akan diundang menyertai Kabinet walaupun sekiranya beliau mendapat pengampunan. Perdana Menteri baru itu berkata dengan bahasa diplomasi (beliau cekap juga berbahasa demikian): "Perkara itu mesti dipertimbangkan dengan teliti sekali."

Tidakkah UMNO telah menjelaskan perasaan dengan memilihnya sebagai Naib Presiden

begitulah...tak pernah semuanya dari satu kumpulan saja...semuanya diwakili sama rata... "

"...dan tentu sekali para Menteri dan Menteri Besar juga diwakili... (UMNO) tidak menyokong sesuatu kumpulan kemudian memindahkan pula sokongannya dengan hebat dan mendadak kepada kumpulan lain... waktu Datuk Harun sangat popular, orang-orang yang menentang pun sama kuat... Kalau kita kaji cara UMNO mengundi pada masa-masa lepas, begitulah juga lebih kurang..."

Tak ada siapa cuba menjadi dalang?

"Tak tahulah saya...ada juga rancangan nak mendalangnya...tapi tak boleh dilakukan oleh